

PERUTUSAN TAHUN BARU 2022

KETUA PENGARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Bismillahirrahim.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah, Tuhan Yang Maha Esa. Alhamdulillah atas izin dan limpah kurnia-Nya, kita semua diberi kesempatan berada di tahun baru, 2022. Sebagai hamba-Nya yang bersifat lemah, kita tidak mampu meramalkan masa hadapan, apatah lagi untuk menjangkakan situasi tahun baru ini memandangkan kita masih belum pulih sepenuhnya dari penularan Covid-19. Namun melangkah ke tahun 2022, kita perlu bersikap optimis serta melakukan perancangan yang terbaik berdasarkan pengalaman, cabaran dan isu yang dihadapi sepanjang tempoh dua tahun ini. Sebagai penjawat awam, kita juga harus yakin dengan segala langkah dan inisiatif yang telah diambil pihak kerajaan dalam memastikan negara kita akhirnya akan bebas dari jangkitan dan penularan Covid-19 ini, in shaa Allah.

Sebagaimana kita sedia maklum, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merencanakan semula sektor pelancongan negara yang terjejas teruk akibat wabak Covid-19. Menggunakan tagline 'Coming Back Stronger' atau 'Kembali Bangkit Semula', MOTAC mensasarkan sektor pelancongan, kebudayaan dan kesenian untuk pulih dan kembali segar dari impak kelesuan Covid-19 yang melanda negara. Sebagai sebahagian dari keluarga MOTAC, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah mula mengatur dan menyusun strategi dalam usaha ke arah merealisasikan hasrat tersebut. Sejurus pembukaan semula Muzium Negara dan enam lagi muzium lain di bawah JMM pada 2hb. Oktober 2021 yang lalu di bawah Pelan Pemulihan Negara, JMM menerusi Muzium Negara telah menganjurkan Program Nostalgia Anak Kampung (NAK) dan pameran sementara terbaharu, Pameran Keajaiban Taksidermi: Kehidupan Abadi. Alhamdulillah, perasmian pameran ini telahpun disempurnakan YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia pada 7hb. Disember 2021 yang lalu, bersekali dengan pelancaran Kempen Derma Koleksi. Majlis ini yang mendapat liputan meluas media diharap dapat menjadi permulaan yang baik untuk JMM kembali bangkit di tahun 2022.

Tahun 2021 sememangnya satu tempoh yang mencabar dan penuh berliku dengan dugaan aspek kesihatan, ekonomi dan bencana alam. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang tidak dijangkakan pada tahun tersebut menyaksikan muzium-muzium terpaksa ditutup kepada pelawat seperti yang berlaku pada tahun sebelumnya (2020). Muzium di bawah JMM hanya dapat beroperasi sekitar 164 hari sahaja berbanding 362 hari muzium sepatutnya dibuka. Hal ini

sememangnya di luar jangkaan kita. Impaknya, kita hanya berjaya melaksanakan 69 atau 52% sahaja daripada keseluruhan program yang telah dirancang pada tahun 2021. Namun Alhamdulillah, saya melihat muzium-muzium kita telah mengambil inisiatif dan pendekatan yang sangat baik menerusi pelaksanaan program secara dalam talian di mana sebanyak 125 program telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah tontonan (views) hampir mencecah 500,000. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua muzium dan juga bahagian yang terlibat.

Mengambil kira penutup yang baik untuk tahun 2021 menerusi pembukaan semula operasi muzium serta kejayaan pelaksanaan program secara fizikal termasuklah penganjuran Pameran Keajaiban Taksidermi: Kehidupan Abadi, Program Nostalgia Anak Kampung dan beberapa program Bicara@Muzium dan Semarak@Muzium di beberapa buah muzium, jabatan optimis dan telah merancang sebanyak 151 program pada tahun 2022 ini. Daripada jumlah tersebut, 9 merupakan program pameran, 14 program signature manakala 128 merupakan program pengembangan muzium yang terdiri daripada 45 program Bicara@Muzium, 49 program jangkauan dalam (inreach) dan 34 program jangkauan luar (outreach). Terdapat juga beberapa program besar yang dirancang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di antaranya ialah Konvensyen Muzium Se-Malaysia dan penganjuran SEAMEO-SPAFA's 37th Governing Board Meeting yang masing-masing dijadualkan sebelum Ogos 2022 dan awal September 2022. Tidak ketinggalan, jabatan juga menaruh harapan yang tinggi agar sambutan Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan tahun 2022 bertemakan 'The Power of Museums' di Kota Bharu, Kelantan serta Festival Kota Kuala Kedah dapat dilaksanakan secara fizikal tahun ini selepas dua tahun tertangguh.

Di sebalik penganjuran pelbagai program pada tahun 2022, saya amat berharap agar keutamaan terus diberi kepada pematuhan prosedur operasi standard atau SOP yang telah ditetapkan. Aspek kesihatan dan keselamatan menjadi isu penting yang wajib dititikberatkan untuk kesejahteraan semua pihak. Pada tahun 2021, sebanyak 37 kes positif telah direkodkan dalam kakitangan jabatan. Nasihat saya, teruskan bekerja dalam normal baharu dan beri lebih perhatian kepada kaedah pematuhan SOP ini apabila merancang program dan aktiviti khususnya yang melibatkan orang ramai demi keselamatan bersama.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, beberapa buah muzium di bawah JMM masih lagi ditutup kepada pelawat untuk pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf. Galeria Perdana telah ditutup bermula awal tahun 2021 sehingga Mac 2023 untuk menambahbaik sistem mekanikal dan elektrik (M&E) serta reka bentuk hiasan dalaman atau ID pamerannya. Muzium Diraja pula dijadualkan akan mulai ditutup sepenuhnya pada tahun 2022. Saya ingin menarik perhatian kepada isu penutupan muzium dan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang sangat perlu dirancang dan dilaksanakan secara tersusun dan mengikut jadual. Penyelenggaraan sangat penting untuk memastikan keselesaan dan kepuasan pelawat, namun apa

yang lebih penting adalah kesediaan muzium di mana muzium perlu memastikan mereka berada dalam keadaan bersiap sedia sepenuhnya sebelum memulakan sebarang kerja-kerja fizikal bagi memastikan muzium hanya ditutup dalam tempoh seminimum mungkin.

Alhamdulillah pada tahun 2022 ini, Muzium Negara akan melancarkan teknik peragaan baharu menerusi teknologi *Augmented Reality* atau AR. Ini merupakan usaha kita dalam mentransformasi teknik persembahan pameran yang lebih interaktif dan efektif bagi kepuasan pengunjung. Ia bertepatan dengan objektif JMM ke arah memperkasa pendigitalan muzium selaras dengan Revolusi Industri 4.0. Lebih penting, ia juga menjadi satu inisiatif untuk menggalakkan kehadiran lebih ramai pelawat ke muzium khususnya dari kalangan generasi muda. Tahun ini, teknologi AR ini akan diperluas ke Muzium Perak pula dan in shaa Allah, selanjutnya kita akan bawa ke muzium-muzium kita yang lain pula selepas ini.

Menempuhi era teknologi dan pendigitalan pada masa ini, suka untuk saya mengingatkan agar kita bergerak seiring dengan perkembangannya. Sebagai penjawat awam, kita perlu sentiasa adaptif dan sensitif dengan kehendak semasa serta keperluan masyarakat yang semakin mendesak. Perkara ini sangat penting bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Ia perlu seiring dengan pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam atau PSPSA 2021 – 2025 yang menggariskan hala tuju strategik pendigitalan sektor awam selaras dengan misi dan visi negara. Alhamdulillah, setakat ini usaha kita ke arah pemerikasaan pendigitalan muzium berjalan dengan sangat baik. Selepas kejayaan sistem musecore, tahun ini kita juga akan memiliki sistem data raya analitik bagi statistik pelawat muzium di bawah jabatan. Mudah-mudahan, sistem yang baru sahaja berjaya dibangunkan ini akan memberi manfaat yang besar untuk kita kerana data pelawat sangat penting dan menjadi salah satu daripada kayu pengukur kepentingan institusi permuziuman di negara ini. Selain menjana data secara pantas dan efisien, ia juga membolehkan kita menganalisa gaya (trend) pelawat ke muzium bagi membolehkan perancangan program yang lebih teliti dan tersusun dibuat pada masa hadapan.

Sementara itu perlu juga diingat bahawa Pelan Strategik Jangka Panjang ICT (PSJPICT) dan Pelan Strategik Jabatan (PSJMM) kita akan berakhir tahun ini. Kedua-duanya sangat penting kepada jabatan. PSJMM dan PSJPICT bermatlamat untuk menggariskan hala tuju jabatan dan memastikan kita terus berada pada landasan yang betul. Saya berharap kita dapat melihat serta mengukur di mana kekuatan kita dalam tempoh lima tahun yang lalu, memperbaiki setiap kelemahan atau kekurangan yang ada dan seterusnya merangka suatu strategi yang lebih tersusun dan cekap untuk kita mempersiapkan diri bagi mencapai misi dan visi jabatan. Selain itu program-program jabatan juga harus mendasari aspirasi dan halatuju Dasar Pelancongan Negara dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DAKEN) yang telah dilancarkan pada tahun 2021.

Mengakhiri ucapan ini, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga jabatan yang saya kasihi atas segala usaha dan komitmen yang dicurahkan kepada jabatan ini. Sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam setiap perkara yang dilakukan jabatan amatlah saya hargai. Teruslah mengamalkan nilai dan etika yang baik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Tidak lupa, sentiasa patuhi normal baharu untuk kesihatan dan utamakan keselamatan walau di mana pun kita berada. Teruskan bekerja sebagai satu pasukan yang saling memberi sokongan dan dukungan antara satu sama lain. Ini adalah kunci kejayaan kita bersama. Doa saya, semoga kesatuan di antara kita terus utuh dan bertambah erat. Ibarat serumpun bak serai, sesusun bak sirih, mudah-mudahan muafakat yang terbentuk menjadi pemangkin sinergi yang berterusan ke arah memacu usaha memartabatkan institusi permuziuman negara tercinta.

Selamat Menyambut Tahun Baru 2022.

“Muzium Kita Tamadun Kita”

DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A.KASIM
KETUA PENGARAH
JABATAN MUZIUM MALAYSIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA